

TRANSKRIP TEMU BUAL PELAJAR 6

Kamal, Verbatim Temubual Pelajar 6, SMK B, (04.07.2013), (5:17)

1 K, TB, P6, SMK B, (04072013), (5:17)

2
3 **Pengkaji**

4 Assalamualaikum dan selamat pagi. Hari ini cikgu ingin menebual anda berkaitan
5 dengan alam sekitar. Apa yang anda faham tentang pendidikan alam sekitar?

6 **Pelajar**

7 Waalaikumsalam. Saya rasa pendidikan alam sekitar ialah pembelajaran tentang menjaga
8 kebersihan alam sekitar supaya tidak tercemar. Em.. hal ini penting kerana ia dapat
9 mengelakkan daripada kerosakan bumi dan menjaga tumbuh-tumbuhan yang hidup.

10
11 **Pengkaji**

12 Apakah pula penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

13 **Pelajar**

14 Bagi saya Pendidikan Alam Sekitar dapat **didedahkan** oleh guru-guru semasa
15 mengajar di dalam kelas kerana ia juga dapat diselitkan dalam mata pelajaran
16 Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan lain-lain.

17
18 **Pengkaji**

19 Bagaimanakah anda belajar tentang pendidikan alam sekitar di rumah?

20 **Pelajar**

21 Di rumah, ibu bapa saya sering memberi **bimbingan** supaya menjaga kebersihan di
22 rumah. Sekiranya kami membuang sampah merata-rata tempat, ibubapa saya sering
23 akan **memberi amaran** kepada kami. Selain itu, kami sekeluarga mengadakan gotong
24 royong membersihkan kawasan rumah pada cuti hujung minggu.

25
26 **Pengkaji**

27 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam
28 Sekitar di rumah?

29 **Pelajar**

30 Antara masalah-masalah yang saya hadapi ialah kekurangan masa yang menjadi punca
31 sebenarnya cikgu, masalah ibu bapa saya kerana mereka sibuk bekerja. Lagipun, aa..
32 kurang kemudahan seperti tempat pembakaran yang khas di kawasan rumah. itu juga
33 boleh menjadi sebagai punca.

34
35 **Pengkaji**

36 Di sekolah, bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa
37 pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas?

38 **Pelajar**

39 Dalam matapelajaran sains, kami dapat menjalankan eksperimen tentang pencemaran
40 air. Selain itu juga, kami sering berbincang tentang punca pencemaran atau jenis
41 pencemaran dan bagaimana menjaga alam sekitar dengan baik serta menjawab soalan
42 kuiz tentang pencemaran alam sekitar.

43
44 **Pengkaji**

45 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam
46 Sekitar semasa PdP di dalam kelas?

47 **Pelajar**

48 Perkara-perkara tentang alam sekitar tidak ditekankan dalam pelajaran kerana tiada
49 pelajaran khas yang disediakan. Oleh itu cikgu cuba masukkan kedalam pelajaran
50 Sains kerana terdapat pelajaran alam sekitar.

51

52 **Pengkaji**

53 Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa aktiviti ko-
54 kurikulum di sekolah?

55 **Pelajar**

56 Dalam kelab *Maths* dan Sains yang saya masuki, saya terlibat dalam **pertandingan**
57 alam sekitar. Kami juga menanam tanaman supaya menghasilkan taman herba
58 disekolah

59

60 **Pengkaji**

61 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi semasa belajar tentang Pendidikan Alam
62 Sekitar dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah?

63 **Pelajar**

64 Antara masalah-masalah yang saya hadapi ialah, terlalu banyak yang tidak berkaitan
65 dengan alam sekitar. Contohnya aktiviti sukan permainan juga tidak ditekankan dalam
66 aktiviti tersebut.

67

68 **Pengkaji**

69 Selain dari pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta melalui aktiviti ko-
70 kurikulum, apakah cara lain anda dapat mempelajari Pendidikan Alam Sekitar di
71 sekolah?

72 **Pelajar**

73 Cara lain, semasa diperhimpunan guru selalu menegaskan tentang kebersihan
74 kelas atau luar kelas dan persekitaran sekolah.

75

76 **Pengkaji**

77 Pada pandangan anda, adakah pendidikan alam sekitar yang ada sekarang ini memadai
78 untuk keselesaan hidup di masa akan datang? Terangkan.

79 **Pelajar**

80 Pendidikan alam sekitar yang ada sekarang amat memadai kerana ibu bapa dan guru-
81 guru di sekolah telah menerapkan pendidikan alam sekitar supaya hidupan sekarang
82 tidak pupus dan terus hidup pada masa akan datang.